



## Aspek Seni Bahasa

DSKP

SP: 4.I.I

Bercerita dengan menggunakan gaya bahasa yang indah dan santun; (iii) perumpamaan

TP

Lengkapkan cerita di bawah ini dengan perumpamaan yang sesuai.

seperti mencurah air ke daun keladi

seperti ayam berak kapur

seperti tikus membaiki labu

bagai bunyi cempedak jatuh

Pak Pandir membaiki bumbung rumahnya yang bocor.

Tindakan Pak Pandir itu \_\_\_\_\_

kerana Pak Pandir tidak tahu bertukang.



Mak Andeh menasihati Pak Pandir supaya mencari tukang rumah. Namun begitu, Pak Pandir tidak menghiraukan kata-kata Mak Andeh. Nasihat Mak Andeh \_\_\_\_\_.

Selang beberapa lama bertukang, Pak Pandir berasa badannya penat dan lenguh. Dia bangun lalu berdiri di atas bumbung rumahnya itu untuk melegakan urat-uratnya. Tiba-tiba Pak Pandir tergelincir lalu terjatuh ke tanah. Bunyinya sangat kuat \_\_\_\_\_.



sehingga mengejutkan Mak Andeh yang berada di belakang rumah ketika itu.

Mak Andeh ternampak Pak Pandir terbaring di atas tanah sambil mengerang kesakitan. Pak Pandir kelihatan \_\_\_\_\_.

Itulah akibatnya jika bersikap cuai dan tidak mahu mendengar nasihat.